

RM10 juta atasi bah di Raub

RAUB - Peruntukan berjumlah lebih RM10 juta diperlukan bagi melaksanakan pelbagai kaedah untuk mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di beberapa buah kampung, tanah rancangan Felda dan kawasan perumahan di daerah Raub dalam tempoh jangka panjang.

Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Usahawan dan Kepenggunaan Negeri Pahang, Datuk Seri Shahiruddin Ab. Moin (**gambar**) berkata, peruntukan tersebut bagi membina beberapa tebatan banjir, melebarkan perparitan, longkang, anak-anak sungai dan aliran air.

Katanya, sebahagian besar saliran di daerah ini didapati sempit, cetek dan dipenuhi semak kerana tidak diselenggarakan dengan konsisten.

"Faktor ini menyebabkan

aliran air sungai tidak dapat berjalan lancar apabila hujan lebat dan beberapa kampung mudah dilanda banjir termasuk banjir kilat walaupun hujan hanya beberapa jam.

"Antara kampung yang berisiko adalah kampung Ulu Dong, Tersang, Kuala Dong, Gali Tengah, Batu Nalim dan berapa buah kampung di Mukim Ulu Semantan kerana aliran air sungai Semantan dan Sungai

Batu Malam kerap melimpah berikutan sungai tohor dan sempit," katanya kepada pemberita di sini kelmarin.

Tambah beliau, usaha mendalamkan anak sungai dan aliran air telah dijalankan pihak berkuasa tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran dan jabatan-jabatan lain namun disebabkan kekurangan peruntukan, kerja yang dijalankan adalah terhad.

